



Randangan:

- | | |
|------------|--|
| Halaman 2 | – Lawatan Pengurus LPU |
| Halaman 3 | – Syarahan Akademik |
| Halaman 4 | – Wacana Isu Islam Liberal: Hermeneutik dan Rekonstruksi al-Quran |
| Halaman 5 | – National Conference for Clinical Research 2010 |
| Halaman 6 | – Seminar Holistik 2010 |
| Halaman 7 | – Bengkel Hafazan Al-Qur'an bersama Orang Kurang Upaya Penglihatan Melayu |
| Halaman 8 | – Diskusi Minda |
| Halaman 9 | – Kursus Auditran Prestasi |
| Halaman 10 | – Bengkel Peremian Silibus dan LOKI Diploma TESL |
| Halaman 12 | – Study Visit to the Catering and Dietetic Department of Kuala Lumpur Hospital (HKL) and Serdang Hospital, Serdang |
| Halaman 14 | – Lawatan Kelab Gamei Sari |
| Halaman 15 | – Lawatan dari Universiti luar ke Fakulti Bahasa dan Komunikasi |
| | – Taklimat dari Wakil Global Hanyu and Cultural Centre |
| | – Koleksi Germplasm <i>Ficus Deltoides</i> Jack di Fakulti Pertanian dan Bioteknologi |
| | – Time with Deputy Vice Chancellor (Academics and Internals) |
| | – Partial Solar Eclipse at Universiti Sultan Zainal Abidin 2010 |
| | – Pertandingan Debat Bahasa Melayu Undang-undang dan Masyarakat: Pliala Ketua Hakim Negara 2010 |
| | – Philip C Jessup International Mooting Competition 2010 (National Round) |
| Halaman 16 | – Kecemerlangan Pelajar FUHA dalam Pertandingan Harun M. Hashim National Client Counselling Competition |
| Halaman 17 | – Language Camp 2010 |
| Halaman 18 | – Industrial Design Diploma Show 2010 |
| Halaman 19 | – Bengkel Penyediaan Panel dan Teknik Persembahan Produk Sesi I & II |
| Halaman 20 | – Bengkel Kemahiran Belajar di Universiti |
| Halaman 21 | – Program Cakna Berat/Wellness dan MYHESS 2010 |
| Halaman 22 | – Pertandingan Fotografi |
| Halaman 23 | – IT-Camp' 10 |
| Halaman 24 | – Peranan Unit Kaunseling dan Kerjaya |
| | – Kursus Asas Kaunseling Siri 3 |
| | – Bengkel Perancangan Kerjaya |
| | – Program Surehired! |
| | – Taklimat Kerjaya bersama Etiga Takaful Berhad |
| | – Program Take Charge – a Personal Development |
| | – Exco Kelab Pembimbang Rakan Siswa |
| | – Penyerahan Tambahan Wang Zakat Pendidikan oleh BIMB |
| | – Majlis Berkhatan PERKIM – Universiti Sultan Zainal Abidin |
| | – The Star Education Fair 2010 |
| | – Karnival Sukan MASUM 2010 |
| | – Kejohanan Bola Sepak Liga IPT 2010 |
| | – Sukan Staf UDM 2010 |
| | – Seminar Kebangsaan Undang-undang Kanak-Kanak |

Lawatan Pengerusi LPU



Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti (LPU),
Dato' Zolkli Abdul

Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti (LPU), Universiti Darul Iman Malaysia [sekarang Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA)], Dato' Zolkli Abdul telah mengadakan lawatan kerja kali pertama ke kampus-kampus universiti pada 27 Februari hingga 1 Mac 2010. Dato' Zolkli dilantik sebagai Pengerusi LPU pada 16 Januari 2010 bagi menggantikan Dato' Azlan Hashim.

Ketibaan beliau pada petang 27 Februari di Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra, Kota Bharu telah disambut oleh Naib Canselor, Dato' Prof. Dr. Alias Daud dan pegawai universiti. Pada sebelah malam, diadakan satu sesi pembentangan kepada Pengerusi LPU oleh Pengurusan Tertinggi Universiti yang dipengerusikan oleh Naib Canselor bertempat di Bilik Mesyuarat Khas, Villa Danialla Resort, Tok Bali.

Pembentangan dimulakan oleh Timbalan Naib Canselor Akademik & Antarabangsa, Prof. Dr. Mohd Afandi Muhamad diikuti oleh Timbalan Naib Canselor Penyelidikan & Inovasi, Prof. Dr. Abdul Manaf Ali. Turut terlibat semasa pembentangan ini ialah Pendaftar, Encik Nurul Huda Muda, Bendahari, Encik Baharin Salim, Dekan Hal Ehwal Pelajar & Alumni (HEPA), Encik Nordin Jusoh dan Pemangku Pengarah Pusat Teknologi Maklumat (PTM), Dr. Mohd Nordin Abd Rahman.

Selepas itu, sesi pembentangan diteruskan oleh Pengarah Jabatan Pembangunan & Penyelenggaraan (JPP), Encik Abdul Hadi Ahmad dan diakhiri oleh Pengarah Keselamatan, Encik Rosli Mahadi. Pada hari kedua, Pengerusi LPU diiringi oleh Naib Canselor dan pegawai tertinggi UniSZA telah dibawa ke UniSZA Kampus Besut untuk melihat perkembangan terkini pembangunan di kawasan tersebut.

Seterusnya rombongan ke Kem Kokurikulum dan Balai Cerap di Merang sebelum bertolak ke Kampus Kota. Pada malamnya, diadakan majlis makan malam yang dihadiri oleh Pengerusi LPU, Pengurusan Tertinggi, Ketua Pusat Tanggungjawab dan barisan Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) di Puncak Gamelan, Primula Beach Hotel. Pada hari ketiga, Pengerusi LPU diberikan taklimat mengenai fakulti-fakulti yang berada di Kampus Kota sebelum beliau bertolak ke Imperial House.

Beliau dan rombongan seterusnya ke Kampus Gong Badak dan mendengar taklimat di Bilik Persidangan selain meluangkan masa untuk melawat ke beberapa tempat di sekitar kawasan kampus.



Syarahan Akademik

Wacana Isu Islam Liberal: Hermeneutik dan Rekonstruksi Al-Quran


Jabatan Al-Quran & Al-Sunnah, Fakulti Pengajian Kontemporari Islam (FKI) dengan kerjasama Pusat Pengurusan Penyelidikan & Inovasi (PPPI) Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) telah menganjurkan satu syarahan akademik bertajuk *Wacana Isu Islam Liberal: Hermeneutik dan Rekonstruksi al-Quran*. Program Syarahan Akademik ini bertujuan untuk memberi pendedahan kepada warga UniSZA khasnya dan masyarakat luar amnya berhubung isu-isu semasa yang boleh menggugat akidah umat Islam selain membahaskan penyelewengan ideologi Islam liberal secara rasional dan ilmiah. Syarahan akademik ini juga merupakan antara langkah awal yang diambil bagi menjadikan program ilmiah sebagai jenama di FKI serta platform untuk menyediakan input-input baru kepada khalayak.

Syarahan ini disampaikan oleh Profesor Dato' Dr. Zulkifli Hj. Mohd Yusoff iaitu Profesor di Jabatan al-Quran dan al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya (UM), Kuala Lumpur, pada 24 Mei 2010 bertempat di Dewan al-Muktafi Billah Shah, UniSZA Kampus Gong Badak. Di samping warga UniSZA, penyertaan juga dibuka kepada masyarakat luar bagi membolehkan mereka mendapatkan maklumat mengenai isu-isu semasa secara langsung daripada pakar yang dijemput. Seramai 416 orang peserta dari pelbagai agensi hadir menjayakan program syarahan akademik pada kali ini. Jumlah ini merupakan 83 peratus daripada jumlah sebenar sasaran peserta, iaitu 500 orang. Peserta-peserta terdiri daripada wakil Yayasan Islam Kelantan, UiTM cawangan Terengganu, Institut Perguruan Guru Kampus Dato' Ahmad Razali, Kolej Komuniti Kuala Terengganu, Kolej Islam Sains dan Teknologi, badan-badan bukan kerajaan dan sekolah-sekolah agama terpilih di Terengganu. Turut hadir ke majlis tersebut ialah Timbalan Dekan (Penyelidikan dan Pascasiswazah) yang mewakili Dekan menyampaikan kata-kata aluan di awal program. Ketua-ketua Jabatan FKI juga turut sama memeriahkan majlis ilmu yang amat bermakna ini.

Meskipun topik ini agak tinggi untuk dibincangkan di kalangan peserta yang terdiri daripada pelajar peringkat menengah, namun penceramah menyampaikannya dengan bahasa yang mudah difahami oleh semua peringkat peserta. Tambahan pula, salinan kertas syarahan yang dibekalkan kepada setiap peserta memudahkan lagi usaha ini. Sesi syarahan yang bermula pada jam 10 pagi secara ringkas menjelaskan bawahwa pada penghujung abad ke-20 perkembangan ilmu

pengetahuan dan kemajuan sains teknologi telah memberikan wacana baru untuk mengkaji pemahaman yang terkandung dalam al-Quran. Sekalipun pelbagai metode yang telah ditawarkan oleh para mufasirin, namun hingga kini ia belum menemukan penyelesaian. Antara metode tersebut adalah hermeneutik. Ia adalah suatu metode atau teori filsafat untuk mentafsirkan simbol yang berkaitan dengan teks supaya diketahui erti dan maknanya. Hermeneutik mula digunakan terhadap kajian al-Quran pada abad 19M oleh para Muslim liberal, akan tetapi banyak kalangan ulama mempersoalkannya. Ini kerana hal tersebut dapat meragukan keaslian dan kesucian al-Quran.

Di samping itu, hermeneutik telah diguna pakai dalam mentafsirkan Bible bagi mencari nilai kebenarannya dan hakikat ini tidak boleh disamakan dengan al-Quran. Demikianlah, sejak mula diturunkan, al-Quran telah menjadi objek tumpuan sama ada daripada kalangan pencinta mahupun pengkhianat. Daripada kalangan pencinta telah lahir berbagai-bagi madrasah bagi menghuraikan dan menjelaskan makna-makna yang terkandung di dalamnya. Dari kalangan pengkhianat pula telah lahir teori-teori dan pandangan-pandangan yang pelbagai terhadap al-Quran. Kebanyakan teori ini diambil daripada pemikiran barat atau kalangan ahli kitab yang melihat kitab mereka gagal ditafsirkan mengikut keperluan semasa dan memerlukan pentafsiran baru. Golongan yang terpesona dengan pelbagai pembaharuan terhadap kitab Bible cuba membawa pemikiran yang serupa terhadap kitab al-Quran dengan pelbagai alasan pembaharuan atau pentafsiran kembali.



Profesor Dato' Dr. Zulkifli Hj. Mohd Yusoff

Sesi ceramah berakhir jam 12.00 tengah hari untuk memberi peluang kepada audiens mengajukan soalan kepada penceramah. Secara keseluruhannya, program ini mencapai objektif meskipun bilangan penyertaan daripada warga UniSZA sendiri amat minimun. Ini kerana, program ini diadakan semasa musim cuti perkuliahan pelajar bagi Semester 2 Sesi 2009/2010. Adalah diharapkan wacana ini dapat memenuhi sebahagian usaha menyorot pandangan golongan pengkhianat terhadap Ilmu Tafsir yang berselindung di sebalik label Muslim liberal, agar masyarakat mendapat pendedahan yang betul daripada pakar dalam bidang al-Quran.





National Conference for Clinical Research (NCCR) 2010



Pusat Kajian Klinikal dan Kualiti Hidup (PKKKH) telah mewakili Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) pada *National Conference for Clinical Research (NCCR) 2010* yang berlangsung pada 2 hingga 4 Jun lepas.

Tujuan PKKKH dihantar menyertai pameran dan persidangan tersebut merupakan salah satu usaha untuk mempromosi aktiviti penyelidikan, pengurusan bengkel, seminar, pengajian pascasiswazah dan perundingan khususnya kajian klinikal dan kualiti hidup yang dijalankan di UniSZA. Program anjuran Clinical Research Centre (CRC) yang berlangsung di Hotel Royale Chulan, Kuala Lumpur telah dirasmikan oleh Ketua Pengarah Kementerian Kesihatan Malaysia, Tan Sri Dr. Ismail Merican yang turut meluangkan masa untuk melawat ke tapak pameran PKKKH.

Lebih 500 peserta terdiri daripada para penyelidik yang bertugas di Pusat Penyelidikan Klinikal, Institute for Medical Research (IMR), Institute for Health Systems Research (IHSR), Institut Kesihatan Umum (IKU) dan Institut Penyelidikan Tingkahlaku Kesihatan (IPTK) telah mengunjungi pameran tersebut. Pakar Perunding Kanak-kanak, Datuk Dr. Zulkifli Ismail, Dr. Azman Abu Bakar (Pengarah IHSR), Dr. Zakiah Ismail (Pengarah IMR) dan Dr. Haji Anwa Sulaiman (Pengarah Hospital Melaka) juga sempat berkunjung ke ruang pameran PKKKH.

Para doktor, ahli farmasi dan pensyarah turut mengunjungi ruang pameran PKKKH untuk mengetahui lebih lanjut jenis-jenis kajian kolaboratif yang boleh dijalankan bersama PKKKH, jenis pengajian pascasiswazah yang ditawarkan dan juga program-program Sarjana Muda yang ada khususnya program Perubatan dan Sains Kesihatan. Sementara itu, satu poster hasil penyelidikan pelajar pascasiswazah PKKKH bertajuk *Exploring Dark Chocolate's Effect On Mood and HRQoL In Palliative Care* juga telah dibentangkan pada persidangan tersebut.

Seminar Penyelidikan Fakulti Pengurusan Perniagaan dan Perakaunan

Seminar Penyelidikan Fakulti Pengurusan Perniagaan dan Perakaunan (FPPP) telah pun diadakan pada 18 April 2010 yang lalu. Pihak fakulti telah menjemput Prof. Datin Dr. Hasnah Haron, Dekan Pusat Pengajian Siswazah Perniagaan, Universiti Sains Malaysia (USM) merangkap Profesor Adjung FPPP dan Prof. Madya Dato' Ishak Ismail, Dekan Pusat Pengajian Perniagaan, USM untuk menyampaikan ceramah dan berkongsi pengalaman berkaitan dengan penyelidikan.

Seminar penyelidikan yang diadakan di Bilik Mesyuarat FPPP, Blok Hafsa ini bertujuan untuk memberi pengetahuan mengenai isu-isu terkini bidang berkaitan dan meningkatkan kualiti penyelidikan warga pensyarah dan penyelidik fakulti. Di samping itu juga, program ini membolehkan ahli-ahli akademik fakulti berkongsi idea-idea baru dan pandangan dengan dua orang penceramah yang mempunyai pengalaman cukup luas dalam bidang perakaunan dan pengurusan.

Program ini memuatkan dua sesi ceramah dan perbincangan interaktif iaitu sesi 1 *Current Issues in Accounting and Management Research*, manakala sesi kedua pula *Preparing A Quality Research Proposal*. Penyertaan staf dan felo akademik FPPP adalah amat menggalakkan dan mendapat maklum balas yang baik melalui pelbagai soalan diutarakan oleh para pensyarah. Adalah diharapkan program seperti ini dapat diteruskan pada masa akan datang dengan penyertaan lebih ramai lagi warga akademik FPPP.



Seminar Holistik 2010

Putus Kajian Klinikal dan Kualiti Hidup, Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan (FPSK), Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) telah menganjurkan satu seminar iaitu *Seminar Penjagaan Kesihatan Holistik 2010* pada 21 April baru-baru ini.

Seminar ini telah dirasmikan oleh Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi), Profesor Dr. Abdul Manaf Ali mewakili Naib Canselor UniSZA, Dato' Profesor Dr. Alias Daud. Program ini mengandungi tiga siri ceramah dan perbincangan yang melibatkan penceramah-penceramah jemputan dari Bahagian Perubatan Tradisional dan Komplementari, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), Institut Penyelidikan Sistem Kesihatan dan juga seorang pakar psikologi kesihatan dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).

Tujuan seminar ini diadakan adalah untuk memberi pendedahan kepada warga UniSZA tentang penjagaan kesihatan holistik sebagai pengembangan perspektif daripada perubatan konvensional dan juga memberi kesedaran tentang kepentingan penjagaan holistik dalam dunia perubatan dan kesihatan masyarakat sejagat.

Sesi dimulakan dengan ceramah bertajuk *Enhancing Wellness Through Holistic Medicine* yang disampaikan oleh Dr. Ramli Abd Ghani selaku Pengarah Bahagian Perubatan Tradisional dan Komplementari, KKM. Ceramah kedua yang bertajuk *Quality of Life in Healthcare* pula telah disampaikan oleh penceramah dari Pengarah, Institut Penyelidikan Sistem Kesihatan iaitu Dr. Azman Abu Bakar.

Seminar ini telah berakhir dengan ceramah bertajuk *Health Psychology in Holistic Healthcare* yang telah disampaikan oleh Profesor Madya Hajah Normah Che Din iaitu Ketua Unit Psikologi Kesihatan, Fakulti Sains Kesihatan Bersekutu, UKM. Hampir 100 orang peserta yang terdiri daripada kakitangan dan pelajar UniSZA menghadiri seminar ini. Sementara itu, majlis penutup telah disempurnakan oleh Profesor Dr. Mohd Afandi Muhamad, Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) UniSZA.



Bengkel Hafazan al-Quran bersama Orang Kurang Upaya (OKU) Penglihatan



Jabatan al-Quran dan al-Sunnah, Fakulti Pengajian Kontemporari Islam (FKI) Universiti Darul Iman Malaysia [sekarang dikenali sebagai Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA)] dengan kerjasama Pusat Pengembangan dan Khidmat Komuniti UniSZA dan Persatuan Orang-orang Cacat Penglihatan (PERTIS) Wilayah Terengganu, telah menganjurkan bengkel kaedah menghafaz al-Quran khas untuk warga muslim Orang Kurang Upaya (OKU) penglihatan, pada 27 Mac 2010 bertempat di Dewan Kuliah Utama, UniSZA, Kampus Gong Badak.

Bengkel seumpama ini pernah diadakan kepada pelajar-pelajar Program Kebitaran al-Muttaqun, Sekolah Menengah Kebangsaan (Agama) Sheikh Abd Malek, Kuala Terengganu. Pada kali ini, bengkel tersebut mencari kelainan dengan mensasarkan penyertaan kepada warga Muslim Kurang Upaya Penglihatan daripada kalangan ahli PERTIS Wilayah Terengganu. Program ini merupakan salah satu program khidmat komuniti Jabatan al-Quran dan al-Sunnah yang bertujuan untuk membolehkan warga Muslim OKU mendapat maklumat yang tepat mengenai kaedah menghafaz al-Quran, memupuk semangat mencintai dan mendekati al-Quran agar dapat dijadikan sebahagian daripada agenda kehidupan sehari-hari warga OKU penglihatan serta merapatkan jalinan kerjasama antara warga universiti dengan mereka.

Program ini telah dimulakan dengan ucapan daripada Yang Dipertua PERTIS Wilayah Terengganu, Mohd Fauzi Mansor yang melahirkan rasa syukur kerana program yang dirancang dapat dijayakan pada tarikh yang ditetapkan. Selain itu, beliau turut mengatakan bahawa penyertaan pada peringkat awal hanya dirancang untuk ahli PERTIS dewasa, tetapi sebaliknya dibuka juga kepada pelajar-pelajar sekolah menengah dan rendah pendidikan khas untuk memberikan pendedahan awal kepada mereka tentang kaedah menghafaz al-Quran. Ini menjadi bukti bahawa kecacatan bukanlah penghalang bagi golongan tersebut untuk menghafaz dan mendalamai kitab suci al-Quran.

Bengkel ini dirasmikan oleh Prof. Madya Dr. Engku Ahmad Zaki Engku Alwi, yang mewakili Dekan FKI sejurus berakhirnya ucapan daripada Yang Dipertua PERTIS Wilayah Terengganu tersebut. Pelaksanaan bengkel dibahagikan kepada dua slot ceramah. Ceramah pertama bertajuk *Kaedah Mudah Menghafal al-Quran* manakala ceramah kedua pula membincangkan tentang *Tanggungjawab Seorang al-Hafiz*. Kedua-dua ceramah disampaikan oleh penceramah jemputan, Ustaz Aman Daima Mohd Zain al-Hafiz, pensyarah dari Jabatan Usuluddin FKI, UniSZA. Ceramah ini bertujuan untuk memberikan pendedahan teori menghafal al-Quran kepada peserta, supaya dapat diperaktikkan dalam slot bengkel yang melibatkan praktikal hafazan bersama 10 orang fasilitator yang terdiri daripada ahli Kelab Nadi Huffaz UniSZA. Para peserta dibahagikan kepada tiga kategori, iaitu dewasa, menengah dan rendah. Praktikal hafazan ini berlangsung selama dua jam sebelum peserta berhenti rehat untuk makan tengah hari dan solat zuhur.

Surah-surah terpilih ditetapkan oleh pihak pengajur supaya dihafal oleh peserta mengikut kategori. Bagi kategori dewasa, surah yang dipilih ialah Surah Yasin, manakala bagi kategori menengah dan rendah pula adalah surah-surah pilihan daripada Juz 'Amma, iaitu daripada Surah al-Fajr hingga Surah al-'Aadiyat untuk peringkat menengah dan Surah al-Qari'ah hingga Surah al-Nas pula untuk kategori rendah.

Seramai 80 orang peserta hadir dan mereka dibantu oleh 80 orang sukarelawan yang terdiri daripada pelajar-pelajar FKI. Bagi membolehkan para sukarelawan mendapat maklumat dan kemahiran yang tepat tentang mobiliti OKU, pihak Jabatan al-Quran dan al-Sunnah telah menjemput Mohd Khairuddin Abd Wahab, guru dari SMK (Pendidikan Khas) Bukit Besar, Kuala Terengganu bagi menyampaikan taklimat dan menunjukkan cara mobiliti OKU kepada para sukarelawan pada 23 Mac 2010. Taklimat pengukuhan dan praktikal mobiliti OKU pula disampaikan oleh Nor Salimah Abu Mansor, pensyarah Jabatan Dakwah, FKI pada 25 Mac 2010. Hasilnya, pada hari program ini berlangsung, para sukarelawan dapat menyumbangkan khidmat mereka dengan jayanya. Malah, majoriti peserta bengkel tersebut berpuas hati dengan perkhidmatan yang diberikan oleh para sukarelawan.

Program ini turut dimeriahkan dengan alunan bacaan al-Quran oleh qari jemputan OKU, Abdul Latif Jusoh sebagai halwa telinga pada permulaan majlis perasmian dan penutup disempurnakan oleh Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi), Prof. Dr. Abdul Manaf Ali. Dalam ucapannya, beliau berkata, pihak universiti bersedia untuk mengeluarkan peruntukan bagi membeli sekurang-kurangnya 10 buah al-Quran braille yang berharga RM250 seunit untuk kegunaan peserta bengkel hafazan al-Quran. Al-Quran braille itu akan diletakkan di bawah pengendalian Jabatan al-Quran dan al-Sunnah supaya bengkel seumpama ini dapat diadakan dari semasa ke semasa. Hadir sama semasa majlis perasmian penutup ini ialah Pengarah Pusat Pengembangan dan Khidmat Komuniti UniSZA, Wan Musa Wan Muda serta Yang Dipertua Pertis Kebangsaan, Mohamad Ismail.

Program seterusnya diserikan dengan penyampaian cenderamata kepada peserta terbaik mengikut setiap kategori. Peserta terbaik dipilih berdasarkan bilangan ayat paling maksimum yang dihafaz, tajwid dan fasohah semasa ujian hafalan dibuat oleh fasilitator. Kategori dewasa dimenangi oleh Ismail Mamat dan Fatimah Edris, kategori menengah dimenangi oleh Muhammad Zakaria dan Norzuriatin Che Ibrahim dan kategori rendah pula dimenangi oleh Adib Muatyad Zahari dan Nur Syuhada Alias. Pada majlis ini juga, PERTIS Wilayah Terengganu mengambil peluang menyampaikan sumbangan kepada pelajar terbaik OKU SPM 2009, Nur Najmi Shamila Mohd Sakari yang berjaya memperoleh 8A. Program berakhir pada jam 4 petang dengan persembahan nasyid daripada kumpulan Voice of Islam yang terdiri daripada pelajar-pelajar Diploma Pengajian Islam (al-Quran dan al-Sunnah) semester dua.

Secara keseluruhannya, program perintis khidmat komuniti FKI ini berjaya mencapai objektifnya dan ia seumpama serampang dua mata kerana di samping dapat membantu warga OKU mendalamai bacaan al-Quran, ia turut menjadi wadah kepada para pelajar FKI untuk menjalani praktikal kemasyarakatan, seterusnya sebagai saluran kepada warga FKI dalam menabur bakti kepada negeri Terengganu.

Diskusi Minda

Dalam merealisasikan Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) sebagai salah satu Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) bertaraf antarabangsa, bengkel Memacu dan Mengantarkarangskakan UniSZA di bawah Model Ekonomi Baru – *Leading & Globalizing UniSZA under New Economic Model* telah diadakan pada 22 Mei 2010. Bengkel anjuran Pejabat Naib Canselor dengan kerjasama Jabatan Pendaftar UniSZA ini telah berlangsung di Dewan Bunga Raya, Ri-Yaz Heritage, Pulau Duyong.

Pengerusi Lembaga Pengarah UniSZA, Dato' Zolkiple Abdul dan Naib Canselor UniSZA, Dato' Profesor Dr. Alias Daud telah mengendalikan bengkel yang berlangsung bermula pada pukul 2.30 petang hingga pukul 7.00 malam.

Objektif bengkel ini adalah untuk membincangkan hala tuju UniSZA dalam konteks Model Ekonomi Baru, mengenal pasti keupayaan serta kekuatan kakitangan akademik dan pengurusan universiti, membentuk kumpulan pakar yang boleh bekerja secara kolektif serta melaksanakan peranan dan strategi penting dalam mengurus universiti. Seramai 41 orang peserta yang terdiri daripada Ketua Pusat Tanggungjawab UniSZA telah menghadiri bengkel ini.



Kursus Auditan Prestasi

Unit Audit Dalam (UAD) dan Bahagian Pembangunan Modal Insan, Jabatan Pendaftar, Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) dengan kerjasama Akademi Audit Negara telah menganjurkan Kursus Auditan Prestasi selama empat hari bermula 17 hingga 20 Mei 2010.

Kursus yang diadakan di UniSZA Kampus Kota itu dirasmikan oleh Naib Canselor UniSZA, Dato' Profesor Dr. Alias Daud. Kursus ini dikendalikan oleh empat orang penceramah berpengalaman dari Akademi Audit Negara yang terdiri daripada Noor Akma Mohd Bakri, Zainun Haji Taib, Saadatul Nafisah Bashir Ahmad dan Abd Aziz Shaari.

Tujuan kursus ini diadakan adalah untuk memberi pendedahan dan kefahaman kepada peserta mengenai garis panduan pengauditan prestasi, perancangan, pelaksanaan dan juga pelaporan. Pengisian kursus ini dapat memberikan gambaran kepada para peserta yang terlibat tentang teknik menjalankan pengauditan prestasi selain saling berkongsi idea dan pengalaman dalam melaksanakan tugas-tugas pengauditan.



Kursus ini dihadiri oleh 61 orang peserta dari dalam dan luar UniSZA. Selain daripada 50 orang kakitangan UniSZA, kursus ini turut dihadiri oleh 11 orang peserta dari Institut Pengajian Tinggi Awam yang lain iaitu Universiti Malaysia Terengganu, Universiti Teknologi Malaysia, Universiti Teknikal Malaysia Melaka, Universiti Utara Malaysia dan Universiti Malaya.

Bengkel Pemurnian Silibus dan LOKI Diploma TESL

Pada 11 hingga 13 April 2010, Fakulti Bahasa dan Komunikasi (FBK) telah mengadakan Bengkel Pemurnian Silibus dan Loki Diploma TESL. Bengkel ini diketuai oleh Pengerusi Jawatankuasa Pemurnian Silibus TESL, Puan Azizah Endut dan ahli jawatankuasa yang terdiri daripada Timbalan Dekan, Ketua Jabatan Bahasa Inggeris, Ketua Jabatan Bahasa Melayu, Penyelaras Diploma TESL, Penyelaras Ijazah Sarjana Muda Bahasa Inggeris serta tujuh orang pensyarah dari Jabatan Bahasa Inggeris. Bengkel ini diadakan untuk menyemak silibus yang disediakan supaya selaras dengan kehendak MQA.



Study Visit to the Catering and Dietetic Department of Kuala Lumpur Hospital (HKL) and Serdang Hospital, Sepang.

About 28 students of Bachelor Degree in Dietetic programme, semester 2 from Universiti Darul Iman Malaysia [Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA)] joined the study visit to the Catering and Dietetic department of Kuala Lumpur Hospital and Serdang Hospital in Sepang 10-11 February 2010. There were 12 staff (lecturers, science officers, food preparation officer and dietitian officers) from FPSK who joined this visit as instructors. As this was their first time on a study visit, the students were so enthusiastic in gaining more experience and knowledge.

The leader of the Department of Catering and Dietetic is Ridzoni Sulaiman and it is one of the departments in Hospital Kuala Lumpur that provides two main services, which is the provision of normal and therapeutic diets for in-patients and the provision of clinical dietetic care for patients referred by the doctors. There are two kitchens, one located in the main block of the hospital and the other at the Institute Pediatrics.

The main block kitchen provides diets for the main block and peripheral wards including the Institute of Urology & Nephrology, the Institute of Oncology & Radiotherapy, the Institute of Neurology and the National Tuberculosis Center. The other kitchen provides diets for the Institute Pediatric and Maternity Hospital. The Catering service mainly serves for in-patients only. This department serves a large number of normal diets and therapeutic diets to in-patients. Food will be served based on ward diet orders, regulations and patients entitlement and also for all new admissions if the diet order is received before 6.15 p.m.

Diet for Doctors On-Call and night rations will be provided based on their entitlement. They also supply and pack enteral formula for those patients who need it, as an oral supplement or for tube feeding.

The Catering and Dietetic Department of Serdang Hospital is different because they use outsourced catering and not in-house catering like

in HKL because the Serdang Hospital is a government-funded multi-specialty hospital located in the district of Sepang, Selangor. They are among the earlier hospitals that use this system (outsourcing), since it was introduced in 1999. This hospital is located near Putrajaya, the Malaysian federal government administrative centre. The location of the hospital borders the South Kajang Valley Expressway (SKVE) to the east and the medical faculty of Universiti Putra Malaysia to the west. It is clearly seen from the North-South Expressway at the Kajang Interchange. The head of Catering and Dietetic department in Serdang Hospital is Rashidah Ambak. Serdang Hospital also provides individual plating or trays for each patient and ensures that when food is cooked, it is served as soon as possible to each patient according to the ward diet order and staff who involved at that time. Serdang hospital provides the same diet too, either therapeutic or normal diet, to their patients. But the food or diet preparation is practical and ready to be served to the patients with the plating method while HKL only prepares the food in a large amount and never prepares them individually.

So, the objectives from this visit were to provide an overview of the current challenges in the food service industry at hospitals to meet the increasing demands, provide the opportunity of career prospects as a dietitian at any hospital or medical centre, and also to provide updates on the latest developments in technology, design layout, facilities, and equipment for large scale catering to ensure safety and quality of food. It was also to highlight the scientific findings concerning food, preparation techniques and food service delivery as well as addressing healthy cooking, modified diets for clients at hospitals and medical centres.

In conclusion, this study visit was very interesting where students were exposed to new ideas about the dietetic world at hospitals. They also explored career prospects as a Dietitian in any hospital or medical centre and this will benefit them once they graduate.



Lawatan Profesor Dr. Mohd Ismail Noor



Pada 14 April 2010, Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan (FPSK), Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) menerima lawatan suluang daripada Profesor Dr. Mohd Ismail iaitu profesor pelawat bagi program Dietetik. Beliau kini bertugas sebagai pensyarah di Jabatan Pemakanan dan Dietetik, Fakulti Sains Kesihatan Bersekutu, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).

Ketibaan beliau disambut oleh Dekan, Profesor Dr. Ahmad Zubaidi Abd Latif dan kakitangan FPSK. Profesor Dr. Ahmad Zubaidi memberi penerangan secara ringkas tentang sejarah FPSK UniSZA di Bilik Mesyuarat LPU. Dalam taklimatnya, beliau berharap agar Profesor Dr. Mohd Ismail dapat membantu melakukan penambahbaikan program Dietetik yang ditawarkan oleh FPSK.

Dalam lawatan tersebut juga, Profesor Dr. Mohd Ismail turut mengadakan pertemuan dengan pelajar-pelajar Dietetik di Makmal Kemahiran Klinikal 2 serta memberi penerangan ringkas berkaitan penubuhan program Dietetik di Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA).

Pada sebelah petang pula, satu ceramah akademik bertajuk *Malaysian Dietary Guideline 2010* telah disampaikan oleh beliau bertempat di Dewan Teater. Seramai 70 orang peserta yang terdiri daripada wakil setiap Pusat Tanggungjawab UniSZA, Pegawai Dietetik Hospital Sultanah Nur Zahirah, kakitangan FPSK dan juga pelajar tahun pertama Ijazah Sarjana Muda Dietetik mengikuti ceramah ini. Ceramah berkisar kepada panduan pemakanan yang baru dilancarkan pada Persidangan Pemakanan Kebangsaan baru-baru ini. Hadir sama pada ceramah itu ialah Timbalan Dekan (Akademik dan Hal Ehwal Pelajar) FPSK, Profesor Dr. Nordin Simbak.

Lawatan dari Universiti Luar ke Fakulti Bahasa dan Komunikasi



Dalam tempoh enam bulan, Fakulti Bahasa dan Komunikasi (FBK) menerima lawatan dari dua buah universiti dalam dan luar negara iaitu Universiti Malaysia Kelantan (UMK) dan Prince Songkhla University (PSU), Pattani, Thailand. Pada 10 Mac 2010, FBK telah menerima lawatan dari Pusat Pengajaran Bahasa dan Pembangunan Insaniah UMK. Tujuan lawatan ini adalah untuk mengerakkan silaturahim antara kedua-dua universiti amnya dan kedua-dua fakulti pusat khasnya. Selain itu, lawatan ini juga bertujuan untuk melihat prasarana yang disediakan di Makmal Bahasa FBK. Rombongan ini terdiri daripada sepuluh orang staf akademik dan bukan akademik yang diketuai oleh Pengarah Pusat Pengajaran Bahasa dan Pembangunan Insaniah iaitu Prof. Dr. Farok Zakaria.

Pada 16 dan 17 Mei pula, FBK menerima lawatan akademik dari PSU. Delegasi lawatan ini terdiri daripada ahli-ahli Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan universiti berkenaan. Rombongan ini terdiri daripada sepuluh orang pensyarah yang diketuai oleh Dekannya iaitu Prof. Madya Awang Lanui. Memandangkan FBK turut menawarkan Kursus Bahasa Inggeris dan Bahasa Thai kepada para pelajar, maka lawatan yang bertujuan untuk mengadakan kerjasama akademik antara FBK dengan PSU ini dilihat sangat bermanfaat bagi berkongsi ilmu dan kepakaran masing-masing dalam bidang Bahasa Inggeris dan Bahasa Thai.



Lawatan Kelab Gamel Sari UniSZA ke Akademi Seni Terengganu (ASENI)

Pada 28 Januari 2010, Kelab Gamelan Kakitangan UDM (sekarang UniSZA) atau Gamel Sari di bawah kelolaan Pusat Seni Warisan (PSW) telah mengadakan lawatan ke Akademi Seni Terengganu (ASENI). Rombongan yang diketuai oleh Presiden kelab, Wan Edfrizan Fadly Wan Kamil itu telah disambut oleh Pemangku Pengarah ASENI, Tengku Mohd Ariffin Tengku A. Rahman. Lawatan ini diadakan bertujuan untuk memberi pendedahan kepada ahli-ahli kelab tentang sejarah permainan gamelan di Terengganu. Pada masa yang sama, lawatan ini bertujuan untuk menjalin kerjasama antara Kelab Gamel Sari dengan para penggiat seni gamelan di negeri ini. Rombongan juga diberi penerangan oleh Tengku Mohd Ariffin mengenai alatan dan asal usul gamelan khususnya gamelan Terengganu. Turut diadakan semasa sesi lawatan ini berlangsung ialah demonstrasi permainan muzik gamelan oleh ASENI. Ahli-ahli kelab juga sempat bertukar-tukar pandangan serta mendapatkan tunjuk ajar daripada pemuzik gamelan ASENI bagi memantapkan lagi kemahiran mereka.



Taklimat dari Wakil Global Hanyu and Cultural Centre

Pada 30 Mac 2010, Fakulti Bahasa dan Komunikasi (FBK) telah menganjurkan satu perjumpaan antara wakil dari Global Hanyu and Cultural Centre dengan dekan-dekan di Bilik Persidangan. Wakil institusi berkenaan iaitu Foong Wai Fong dijemput untuk mengadakan syarahan akademik mengenai kepentingan Bahasa Mandarin kepada para pelajar dan kakitangan universiti bertempat di FBK. Kedatangan wakil syarikat ini antara lain juga bertujuan untuk menjalinkan kerjasama akademik dan kepakaran dalam Bahasa Mandarin dengan Universiti Shanghai Jiaotong. Sebagai langkah permulaan, satu pameran *Chinese Language and Culture* akan diadakan di kampus ini. Pameran ini menggunakan teknologi *touch screen* yang akan memperkenalkan kebudayaan China dalam pelbagai aspek seperti Kungfu China, Opera Beijing, muzik tradisional, karektor tulisan China dan masakan tradisional China.

Koleksi *Germplasm Ficus Deltoidea Jack* di Fakulti Pertanian dan Bioteknologi

Ficus deltoidea Jack, atau lebih dikenali dengan panggilan Mas Cotek merupakan tanaman herba yang mendapat perhatian untuk penghasilan produk herba tradisional masa kini di Malaysia. Tanaman ini mula dikomersialkan kerana khasiatnya yang sangat baik untuk kesihatan. Mas Cotek dikatakan berupaya mengurangkan kadar tekanan darah tinggi dan mampu melancarkan perjalanan darah dalam sistem tubuh pengamalnya. Tidak seperti Tongkat Ali dan Kacip Fatimah yang telah dikhususkan penggunaannya untuk jantina tertentu, herba Mas Cotek boleh digunakan oleh wanita dan juga lelaki tanpa sebarang kesan yang boleh mendatangkan mudarat.

Fakulti Pertanian dan Bioteknologi (FPB) Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) telah lama menyedari potensi herba Mas Cotek ini dan mula mengambil langkah proaktif dalam menjalankan kajian yang lebih mendalam bagi mengenalpasti khasiat-khasiat lain yang mungkin terdapat pada semua varieti Mas Cotek. FPB telah menaruh kepercayaan terhadap kepakaran Prof. Madya Dr. Nashriyah dalam bidang botani dan telah melantik beliau sebagai ketua projek penyelidikan Mas Cotek. Kluster penyelidikan ini telah berjaya menjalankan pelbagai penyelidikan seperti menganalisis dan mengenal pasti taburan, ciri-ciri botani dan morfologi/anatomti tanaman, khasiat dan kandungan kimia tanaman, dan sistematik klasik dan molekul. Bagi memastikan kajian yang berterusan dapat dijalankan dengan lancar, pihak fakulti telah menyediakan satu nurseri khas di ladang FPB yang terletak di Kampus Gong Badak untuk ditanam dengan tanaman Mas Cotek. Setakat ini, nurseri tersebut telah dikenalpasti mempunyai enam varieti Mas Cotek daripada tujuh semuanya yang terdapat di Semenanjung Malaysia.

Kesemua koleksi varieti Mas Cotek yang terdapat di nurseri ladang FPB ini diperoleh dari pelbagai tempat yang berbeza iaitu di negeri-negeri Terengganu, Kelantan, Johor, Selangor, Pahang dan Melaka. Habitat tanaman Mas Cotek juga sangat unik kerana ia bukan sahaja boleh hidup di atas pokok lain (epifit), tetapi juga boleh tumbuh di atas tanah bergantung kepada varieti masing-masing. Dalam usaha mengumpul dan menanam pokok Mas Cotek ini, pelbagai kawasan telah kami jejak untuk mencari tumbuhan herba ini, namun begitu ekspedisi untuk mencari pokok ini bukanlah suatu tugasan yang mudah. Kebanyakan pokok Mas Cotek ditemui hidup di kawasan bukit atau gunung yang berbatu atau kawasan yang mempunyai litupan kanopi yang tebal. Lebih menyukarkan pencarian apabila para penyelidik terpaksa mendongak ke atas atau meredah belukar atau hutan tebal untuk mencarinya, kerana tanaman ini sifatnya adalah memerlukan pokok pelindung bagi mengelakkannya daripada terlalu terdedah kepada sinaran cahaya matahari. Namun begitu, hasil usaha gigih para penyelidik akhirnya berbaloi setelah berjaya mengumpul enam daripada tujuh varieti yang telah dilaporkan oleh ahli taksonomi terdahulu iaitu Kochummen, Berg, Corner dan Kamaruddin.

Hasil kerjasama daripada para penyelidik dan staf yang terlibat dalam kluster ini, jumlah pokok yang telah berjaya dikumpulkan sepanjang tempoh dua tahun ini ialah 207 pokok. Koleksi ini terdiri daripada *Ficus deltoidea* Jack var *trengganuensis*, *Ficus deltoidea* Jack var *angustifolia*, *Ficus deltoidea* Jack var *bilobata*, *Ficus deltoidea* Jack var *kunstleri*, *Ficus deltoidea* Jack var *deltoidea* dan *Ficus deltoidea* Jack var *intermedia*. Jadual dibawah menunjukkan jumlah pokok yang telah dikelaskan berdasarkan varieti tersebut.

Jadual 1: Jumlah pokok yang telah ditanam di ladang FPB, Kampus Gong Badak

Jenis pokok	Jumlah pokok
<i>Ficus deltoidea</i> Jack var <i>trengganuensis</i>	133
<i>Ficus deltoidea</i> Jack var <i>angustifolia</i>	19
<i>Ficus deltoidea</i> Jack var <i>bilobata</i>	3
<i>Ficus deltoidea</i> Jack var <i>kunstleri</i>	19
<i>Ficus deltoidea</i> Jack var <i>deltoidea</i>	9
<i>Ficus deltoidea</i> Jack var <i>intermedia</i>	23

Kerja pengumpulan koleksi germplasm ini juga telah di sokong oleh dana penyelidikan UniSZA (seed money) seperti berikut:

1. Development of germplasm and morphological variation studies of *Ficus deltoidea* Jack (PPI-3 (1)/08 (14) sebanyak RM 20,000.00. (Jun 2008 – Jun 2010).
2. Molecular systematic of *Ficus deltoidea* Jack (Moraceae) (UDM/09/BR(0013) sebanyak RM48,000.00. (Jan 2010-Jan 2012).

Rujukan

Kochummen K. M. 1978. Moraceae. In: *Tree Flora of Malaya (A Manual of Foresters)*. Volume 3. F. S. P. Ng (ed.). Forestry Department, West Malaysia. Longman Malaysia Sdn. Bhd. p. 119-168.

Berg C. C. & Corner E. J. H. 2005. *Flora Malesiana*, Series 1, Volume 17 (Part 2). p. 1-70.

Corner, E. J. H. 1969. The complex of *Ficus deltoidea*: A recent invasion of the Sunda Shelf. *Philosophical Transaction of the Royal Society of London. Series B, Biological Science*. 256: 281-317.

Kamaruddin, M. S. & Latiff, A. 2002. Tumbuhan Ubatan Malaysia 3.2 Moraceae. Universiti Kabangsaan Malaysia & Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar. Kuala Lumpur. p. 181-192.

Penyelidik

Nashriyah Mat, Nur Fatihah Hasan Nudin, Norhaslinda Haron, Mohd Rohaizad Md Rejab, Zulkifi Haron, Razali Awang Hamat, Norhayati Ngah, Mohd Najib Mohd Napis, Nor Zuhailah Mazlan, Mohd Fahmi Abu Bakar, Nor Hasima Mahmod, Afnani Alwi, Nor Zaimah Ab Rashid & Abd Manaf Ali.



Time with Deputy Vice Chancellor (Academic and Internalisation)



Professor Dr. Mohd Afandi bin Muhamad

Running a Relay is Pure Team Work

One could use the analogy of running the 400 meter relay race to describe the professional – and possibly personal – philosophy of the Deputy Vice Chancellor of Academics and Internationalisation of the Terengganu-based Universiti Sultan Zainal Abdin (UniSZA).

A native son of Terengganu himself, Professor Dr. Mohd Afandi bin Muhamad is an avid athlete; his event of choice is the 400 meter relay race, which to this day he still runs for various sports functions, including the inter-varsity staff annual sports event.

Professor Mohd Afandi has been DVC of Academics and Internationalisation at UniSZA for five years now, serving in the second term of the office (each term is a three-year-cycle), and in the time of his tenure Prof Mohd Afandi has been able to look back on the work thus far and proclaim that “while much has been done, there is also much that is left to be desired”.

“I am a difficult person to please as DVC”, explains Prof Mohd Afandi. When pressed to talk about what he has achieved thus far as DVC at UniSZA, Prof Mohd Afandi shows himself to be a person who is very modest and humble, downplaying any ‘achievements’ while focusing more on the job-at-hand that still remains to be done.

Prof Mohd Afandi insists that the primary role of the DVC is to focus on the first word of the title of that position: “My main job is to support, assist and operationalise the vision, strategy and plans of the Vice Chancellor and of the university. Ultimately, all that is achieved is the result of the hard work and effort of everyone at UniSZA, from the Board of Directors to the VC, DVCs, Deans and a whole host of support staff all working together as one team”.

At the Starting Block

“My thoughts before a big race are usually pretty simple. I tell myself: ‘Get out of the blocks, run your race, stay relaxed. If you run your race, you’ll win. Channel your energy. Focus’. ~ Carl Lewis (retired track & field athlete who won 10 Olympic medals (9 were gold), and 10 World Championships medals (8 were gold), and 10 World Championships medal (8 were gold).)

The genesis of UniSZA began with the formation of University Darul Iman Malaysia (UDM) in 2005. At that time, Sultan Zainal Abidin Religious College (or better known as

Kolej Agama Sultan Zainal Abidin, KUSZA for short) became a part of UDM. Today, this means that KUSZA’s 23 Diploma programmes and 3 Advanced Diploma programmes were brought under UniSZA’s purview and powers of conferment.

“UniSZA has been very fortunate to have received the various programmes from KUSZA, and as DVC Academic it is something I am grateful for, that UniSZA could have such a rich variety and cornucopia of programmes on board”. Prof Mohd Afandi shared this sentiment when talking specifically about UniSZA’s Faculty of Languages and Communication (and more especially with reference to the English Department), which “is one of the core Faculties and Departments that no university should ever be without”.

At present, UniSZA operates from two campuses, one in the heart of Kuala Terengganu town (which is aptly known as the UniSZA City Campus) and another in the nearby village of Gong Badak (which is also known as the KUSZA Campus). There is also on-going construction and setting up of a third – and largest – campus for UniSZA in the town of Besut, with an anticipated completion date of 2011.

Prof Mohd Afandi went on to elaborate that the UniSZA City Campus presently houses the Chancellery as well as three faculties, namely the ‘Faculty of Agriculture and Biotechnology’, ‘Faculty of Medicine and Health Sciences’ and the ‘Faculty of Food Technology’. “For the KUSZA Campus, there is an impressive and wide array of programmes being offered which truly enriches and enhances the status of UniSZA as a university in the country: we have the aforementioned Faculty of Languages and Communication, Faculty of Innovative Design and Technology, Faculty of Informatics, Faculty of Contemporary Islamic Studies, Faculty of Business Management and Accounting and the Faculty of Law and International Relations”.

Eyes on the Goal

“No one can say, ‘You must not run faster than this, or jump higher than that’. The human spirit is Indomitable”. ~ Sir Roger Bannister (former athlete best known as the first man in history to run the mile in less than 4 minutes in 1954. Sir Bannister went on to become a distinguished neurologist and Master of Pembroke College, Oxford, before retiring in 2001)

Prof Mohd Afandi began his early education in Terengganu, moving on to Malay College

Kuala Kangsar for this upper secondary school. Under a MARA scholarship, Prof Mohd Afandi then proceeded to complete his A levels in Nottingham before reading for a Bachelor in Physiology in the University of Leeds.

Returning to Malaysia after his Bachelors Degree, Prof Mohd Afandi fortuitously found himself as a recipient of a scholarship from Universiti Malaya to take up his PhD studies back in the University of Leeds, undertaking his research in the area of a simulation study of the trophisiological properties of the cardiac muscle.

Having completed his PhD, Prof Mohd Afandi joined Universiti Malaya’s Medical Faculty in 1984, and spent the next twenty years teaching and researching in the Department of Physiology within the Faculty. It was when Prof Mohd Afandi was Deputy Dean of Development that he found himself being tapped on the shoulder by Dato’ Professor Dr. Alias bin Daud himself (previously a Deputy Vice Chancellor at Universiti Malaya, but then appointed as the Vice Chancellor of UniSZA) to be a DVC at UniSZA.

With two children remaining in Kuala Lumpur with their mother (the eldest daughter completing a degree programme in Tourism and a son reading for his professional accounting qualifications), Prof Mohd Afandi uprooted himself from Kuala Lumpur and moved back to Kuala Terengganu.

“The role of a DVC of Academic in UniSZA is not different from other DVCs of Academics, and it is primarily about looking into and overseeing the development of academic programmes of the mark in terms of quality and relevance. That involves a regular review of curriculum, and being in touch with various stakeholders- including the industry, students themselves, the faculty members - to know how to improve the way programmes are offered at the university.

In tandem with that, being DVC of Internationalisation means ensuring that the graduates produced by UniSZA “are going to be international-cross-boundary-contributors to the global-village”. Prof Mohd Afandi continues, “This is achieved through a variety of strategies, including student exchange initiatives, having international staff on campus, appointing external examiners who validate the relevance of the academic programmes on an international platform, and inviting the involvement of multinational industries in the planning and review of academic content”.

"The ultimate goal is to enhance not just the employability of UniSZA graduates, but to help make them internationally employable". Prof Mohd Afandi went on to explain that the internationalisation of UniSZA is not just about making the university well known around the world ("though that is important too"), but first and foremost to move beyond the "advertising" to the actual product and proof of the proverbial pudding. "It is not for UniSZA to say how good we are as a university, but once we are able to show how internationally employable our students are, then the recognition and accolades should come from external parties who acknowledge the good work of the university".

A Thousand Words Paint a Picture

"Roger Bannister studied the four-minute mile the way Jonas Salk studied polio – with a view to eradicating". ~ Jim Murray, LA Times.

One of the recent challenges that has called upon the DVC to apply his creative problem-solving skills is the increasingly urgent and important need to help students of UniSZA communicate more effectively in English. UniSZA has been running its very own Diploma in TESL programme, and one of the latest initiatives is to have the DipTESL Final Year students be involved as facilitators and tutors through the recently launched English Proficiency Programme. "In this way, the senior students will have the opportunity to complete their practicum component of their DipTESL programme while also serving the role of grooming the newer students to be proficient in communicating in English".

Prof Mohd Afandi is very convicted and concerned about the importance of language acquisition and communication skills among UniSZA's students. "We have just also began a competition among the students (with attractive prizes) to encourage and inculcate the habit of speaking in English while trying to do away with the misconception and myth that speaking in English among their own peers is 'showing off' or being 'Westernised'.

Apart from the English Language, UniSZA's Faculty of Languages and Communication (FBK) – Prof Mohd Afandi is quick to point out the plural in the word "Languages" of the title of the Faculty – is also introducing many other languages which students can choose to learn from. "If we are speaking about 1 Malaysia, then the best time for any person to start learning multiple languages is when they are in their infancy and childhood. It is then that they are able to learn fastest, and it is also then that children are not conscious of any differentiations among the different cultures and races of the country".

Prof Mohd Afandi then went on to express his thoughts about how he perceives his role in this initiative: "Our work is not just to impart knowledge or even grammar lessons to the children. No, the greater challenge is to impart passion, build enthusiasm and harness the joy of learning languages – and to eradicate, to get rid of the unfortunate mind-set that gives rise to the cynicism and sarcasm that often comes as

a response to the youths genuinely attempting to speak in English in a non-native-English-speaking environment".

"The challenge I have set myself", explains Prof Mohd Afandi, "is to build towards the goal of inculcating an English-speaking-campus here at UniSZA. To me, this is important as it links up with my other objective and mission of ensuring UniSZA produces students of International standing and global demand".

Apart from the English Language and the Malaysian languages, UniSZA's Board of Directors and Vice Chancellor had also come up with the far-reaching vision of making UniSZA a hub of language development of ASEAN languages through the FBK. "We currently have teachers from China, Thailand and Vietnam. I am also looking out for language teachers in Tagalog and Burmese". UniSZA students are encouraged to take up a second language as an elective in their studies.

UniSZA has at present a small number of international students; for example, from Singapore, Southern Thailand and Indonesia. "We also enjoy having international expatriate staff on our campus, namely from countries like Yemen, Bangladesh and Canada at this present time.

Medicine and Surgery

"Pain is weakness leaving the body". ~ Tom Sobal (World Snowshoe Racing Champion)

One other topic of conversation that ignited Prof Mohd Afandi's imagination and passion was the introduction and inaugural launch of UniSZA's Faculty of Medicine and Health Science 'Bachelor of Medicine and Surgery' degree, especially through the intake of UniSZA's pioneer group of medical students in June 2008.

"This achievement is really truly a culmination of the work done by all parties involved in UniSZA, including all internal and external stakeholders, from the Vice Chancellor's unshakeable vision, from the Board of Directors and their unwavering support, from the Ministry of Higher Education and their continued trust in us, and from the untiring efforts of the Dean and faculty members", explained the DVC.

Upon viewing and reviewing the criteria and the standards of quality implemented by UniSZA for the offer of the Medical and Nursing degrees, the Malaysian Medical Council (MMC) had unhesitatingly supported and approved the 'Bachelor of Medicine and Surgery' degree to begin. "One of the other factors that was in UniSZA's favour was the fact that UniSZA had already been offering Diplomas in Nursing Science, Radiography, Medical Laboratory Technology and Physiotherapy – and the move to introduce the degree programme was a very natural evolution for the Faculty to move beyond the Diploma offerings – which already have available the basic infrastructure, equipment and staff for the beginnings of the Medical and Surgical degree programme".

An additional source of excitement and anticipation among the staff of UniSZA is the news that UniSZA has been earmarked by the government as one of three public universities which will receive an allocation of a fully-equipped teaching hospital in the very near future. "This would be a very welcome development not just for UniSZA, but for Terengganu as well. We were very excited when the announcement was made, and we are all looking forward to the reality of it soon".

Prof Mohd Afandi himself is presently teaching one module/course in Physiology this semester to the medical students, and that is one of the things that he thoroughly enjoys about his job in UniSZA. "There is nothing that can replace having the opportunity to be in touch at the 'grass roots' and sharing with students the latest knowledge available for them to become excited and passionate about what they are learning".

How to Pass the Baton

"If you can't win, make the fellow ahead of you break the record". ~ Unknown.

"UniSZA is a vibrant and exhilarating place to work, and one of the big reasons for this is the spirit of camaraderie and team-work in the university. All the Deans are very supportive of the university's overall goal and vision, and faculty members rally behind with unwavering diligence and hard-work.

"The Board of Directors has played a very active role in shaping the future of UniSZA. I truly appreciate my role in being part of the team, and especially in supporting and backing the Vice Chancellor's goals. I am here to make the VC's plans a reality".

Obviously, Prof Mohd Afandi has trained long and hard to know how to be part of a successful relay team, running with his team mates towards the same goal of making UniSZA a university for the future.

Sumber petikan: Dr. Kit Chin, *Prospect Malaysia*, Issue 012: 42-44.

Partial Solar Eclipse at Universiti Sultan Zainal Abidin 2010



For scientists, the observation of various sky phenomena and the verification of astronomical theories are closely related. For others, observing the night skies is both an enjoyable and satisfying activity in itself. One of the more interesting sky events to observe is a solar eclipse. People get a sense of wonder and amazement when the surrounding daylight dims as the solar disc changes from an oval to a crescent before their very eyes.

A solar eclipse occurs when the moon passes between the earth and the sun. During the solar eclipse, if the moon's disc is smaller than that of the sun's, we can see a 'ring of fire' during the annularity. If the observers are outside the central path of the Sun, we enjoy a partial eclipse.

On January 15, 2010, such an annular eclipse took place in Asia. The centre path of annularity began in India, moved across the Hindi Ocean, through the Gulf of Bengal to Myanmar and ended during sunset near China. Being outside this central path, Malaysians were able to observe a partial solar eclipse lasting more than 2 hours.

For residents of Kuala Terengganu, the eclipse began at 3.07 pm and ended at 5.43 pm. As the sun moved across the sky, getting lower in the west, it was partially hidden by the moon. When the Sun was 33 degrees above the horizon, over one third of the Sun's surface was obscured behind the moon. The sun appeared as a crescent in the sky.



In an effort to popularize science among the public, the Astronomical Unit of Universiti Sultan Zainal Abidin held a 'Partial Solar Eclipse Observation' event on the day of the eclipse at the university's mosque. This day-long event was organized with collaboration with the University's Islamic Centre, the Terengganu Mufti Department, the Terengganu Science and Creativity Centre, as well as the Survey

and Mapping Department.

The event's morning session was filled with special talks concerning the eclipse and included a variety of exhibits from the agencies involved. Live observation of the eclipse began just after Friday prayers. The public was able to safely observe the solar eclipse using telescopes covered with special filters. Other way of watching the eclipse included the projection method through a pinhole. The eclipse was also televised live on a big screen for all to see. At the height of the eclipse, when the moon covered the sun the most, over 1,000 people were on hand.

Universiti Sultan Zainal Abidin students participated as well. They helped the public safely observe the eclipse and were able to explain to participants the connection between the eclipse and the Islamic calendar and the importance its eclipse observation with studies of time measurement.

Photographs of the eclipse were not only recorded the amazing event for others to see, but become valuable resources used in studies concerning changes in the sun's diameter as well as sunspot rotation.

For those who missed this spectacular event, you will have to wait for another five years! The next solar eclipse to take place in our area will be on March 9, 2016.

Pertandingan Debat Bahasa Melayu Undang–Undang dan Masyarakat:

Piala Ketua Hakim Negara 2010

Buat julung kalinya, Fakulti Undang-undang dan Hubungan Antarabangsa (FUHA) telah menyertai pertandingan 'Debat Bahasa Melayu Undang-undang dan Masyarakat: Piala Ketua Hakim Negara' yang hanya terbuka kepada pelajar prasiswazah undang-undang tahun akhir yang sedang menutut di Institusi Pengajian Tinggi (IPT). Pertandingan ini diadakan di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dari 21 sehingga 23 Januari 2010.

Pertandingan pusingan akhir debat telah dihadiri oleh jemputan kehormat, iaitu Ketua Hakim Negara, Tun Dato' Seri Zaki Tun Azmi dan juga Naib Canselor UKM, Prof. Tan Sri Dato' Dr. Sharifah Hapsah Syed Hasan Shabudin.

Perdebatan dijalankan dalam Bahasa Melayu mengikut gaya ala-Parlimen Malaysia. Setiap

pusingan debat mempunyai dua pasukan iaitu pasukan kerajaan (pencadang) yang terdiri daripada Perdana Menteri dan dua orang anggota kerajaan dan pasukan pembangkang yang terdiri daripada ketua pembangkang dan dua orang anggota pembangkang.

Pertandingan ini telah disertai oleh lima buah Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) yang mempunyai fakulti undang-undang iaitu UKM, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIA), Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) dan Universiti Institut Teknologi Mara (UiTM).

FUHA telah menghantar empat orang pendebat yang terdiri daripada pelajar tahun akhir Ijazah Sarjana Muda Undang-undang dengan disokong oleh lapan orang pelajar lain sebagai pembantu penyelidik dan jurulatih. Timbalan

Dekan (Akademik dan Hal Ehwal Pelajar) FUHA, Mohd Fuad Husaini dan pensyarah FUHA, Belteshazzar Abd Rashid juga telah turut sama sebagai pengurus pasukan dan menjadi juri bagi pertandingan tersebut.

Walaupun ini adalah kali pertama FUHA menyertai pertandingan debat Piala Ketua Hakim Negara, namun pelajar FUHA telah berjaya melepassi tiga saringan untuk menjelaskan kaki ke peringkat separuh akhir. Ini amat membanggakan kerana FUHA berjaya menewaskan pasukan debat yang lebih lama berkecimpungan dalam pertandingan debat ini.

Philip C Jessup International Mooting Competition 2010 (National Round)

Now in its 51st year, the Philip C. Jessup International Law Moot Court Competition is the world's largest moot court competition, with participants from over 500 law schools in more than 80 countries. The competition is a simulation of a fictional dispute between countries before the International Court of Justice, the judicial organ of the United Nations. One team is allowed to participate from every eligible school. Teams prepare oral and written pleadings arguing both the applicant and respondent positions of the case.

A national qualifying tournament must be held if two or more schools in the same country register for the Jessup Competition. The winner of a qualifying tournament (called the National Rounds) earns the right to advance to the international level of the competition (called the White & Case International Rounds). In some countries, such as the United States and India, the number of teams participating is so large that the qualifying level of the competition is broken up into multiple 'Regional Rounds' instead of a single national tournament.

FUHA participated in the current year's national round held in Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) from 26th to 28th February 2010. The following law schools participated in the competition: UKM, International Islamic University Malaysia (IIUM), Universiti Utara Malaysia (UUM), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Universiti Darul Iman Malaysia (UDM), Universiti Teknologi Mara (UiTM), Multimedia University (MMU) and University of Malaya (UM).

UDM's placing as compared to 2009 competition is as follows:

	2009	2010
1. Memorials	8 TH Place (Last)	4 TH Place
2. Oral Submissions	8 TH Place (Last)	6 TH Place

Kecemerlangan Pelajar FUHA dalam Pertandingan 'Harun M. Hashim National Client Counselling Competition 2010'

Buat kali kedua, Fakulti Undang-undang dan Hubungan Antarabangsa (FUHA) telah menghantar satu pasukan dalam pertandingan 'Harun M. Hashim National Client Counselling Competition 2010' yang berlangsung di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) pada 18 sehingga 19 Februari 2010. Pertandingan ini disertai oleh UKM, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, Universiti Darul Iman Malaysia (sekarang Universiti Sultan Zainal Abidin), Universiti Utara Malaysia, Universiti Sains Islam Malaysia dan Universiti Teknologi Mara.

Pasukan FUHA terdiri daripada empat orang pelajar, iaitu Waafini Mohd Pardi, Ahmad Burhan Sidqi A.Rahim, Firdaus R.Azmi dan Anis Sofiah Che Hashim. Timbalan Dekan (Akademik dan Hal Ehwal Pelajar) FUHA, Mohd Fuad Husaini turut sama menyertai rombongan peserta selaku pengurus pasukan FUHA.

Dalam pertandingan ini, para peserta diberi peranan sebagai peguam dalam menangani kerenah dan masalah yang diutarakan oleh 'klien-klien'. 'Peguam-peguam' ini akan dinilai dari segi kemahiran berkomunikasi semasa menemuduga klien dan juga bagaimana mengawal dan menyelesaikan masalah klien dengan memberi nasihat perundangan yang sesuai dan relevan. Pemenang bagi peringkat kebangsaan ini akan berpeluang untuk mewakili Malaysia di peringkat antarabangsa dalam 'Louis M. Brown International Client Counselling Competition 2010'.

Pencapaian FUHA dalam pertandingan kali ini amat membanggakan jika dibandingkan dengan penyertaan pertama FUHA pada tahun 2009. Pada tahun ini, FUHA telah melonjak naik ke kedudukan keempat dengan menewaskan pasukan yang lebih lama berkecimpung dalam pertandingan ini, berbanding hanya menduduki tempat terakhir pada tahun sebelumnya.



Language Camp 2010

Language Camp 2010 was commenced immediately after the Semester 2 2009/2010 examination, which involved 17 lecturers and 118 TESL 2 and TESL 4 students and was held from 9th to 20th May 2010. In conjunction with this year's motto, *Power to Change*, the committee had planned and organized various interesting activities to suit the motto. From day one to day eight, all indoor activities were held in Gong Badak Campus such as Headline Poems, Western Dikir Barat, Speech by Famous Character, The Power of Proverbs and many more, whereas, for outdoor activities which were held at Anggulia Reach Resort Marang, the activities like Shakespearean



Night, Sand-Castle Building and TESL Educational Race were carried out. The programme ran smoothly and successfully due to a good cooperation from all parties at the faculty. Based on the questionnaire answered by the students, a large majority of them enjoyed the programme and confidently admitted that it has improved their English proficiency and become more comfortable and positive to live 'in the language'. Students also stressed that (based on open-ended-questions) this kind of approach (informal and interactive strategies in language learning) should be implemented more in the campus. On top of that, based on this year language camp, two small-scale-researches were also conducted by the FBK's lecturers.



Industrial Design Diploma Show 2010

Fakulti Reka Bentuk Inovatif dan Teknologi (FRIT), Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) telah menganjurkan pameran 'Industrial Design Diploma Show 2010' bertemakan i-eXceed (Innovative Expressive Exhibition-Creativity Empowered Through Design) pada 15 hingga 17 Mei baru-baru ini.

Program julung-julung kali diadakan ini adalah untuk memperkenalkan hasil kerja pelajar Program Reka Bentuk Perindustrian, FRIT. Selain dapat meningkatkan keyakinan dan kemahiran komunikasi para mahasiswa/i, program ini juga menjadi landasan terbaik untuk mereka mengetengahkan bakat serta berkongsi idea mereka dengan dunia luar.

Pameran yang berlangsung di Perbadanan Perpustakaan Awam Terengganu itu telah dirasmikan oleh Dekan FRIT, Encik Noordin Asimi Mohd Noor. Pameran tersebut mendapat sambutan yang amat menggalakkan dan dianggarkan lebih daripada 500 pengunjung yang datang untuk melihat sendiri produk-produk yang dihasilkan.

Sementara itu wakil usahawan Industri Kecil Sederhana (IKS) dan Yayasan Pembangunan Terengganu turut menunjukkan minat dan memberi sokongan terhadap usaha fakulti untuk menaik taraf reka bentuk produk tempatan dan pembungkusan yang diterapkan dalam program ini. Program ini patut dijadikan acara tahunan dalam memastikan promosi berterusan FRIT dan UniSZA kepada masyarakat umum.




Bengkel Penyediaan Panel dan Teknik Persembahan Produk Sesi I & II

Pada 2 hingga 3 April dan 9 hingga 10 April 2010, Fakulti Reka Bentuk Inovatif dan Teknologi (FRIT) telah menganjurkan satu bengkel Penyediaan Panel dan Teknik Persembahan Produk Sesi I & II bertempat di Makmal CAD I & II, Blok Zainab, UDM (sekarang UniSZA) yang melibatkan 20 orang peserta.

Bengkel ini dikendalikan oleh empat orang kakitangan akademik FRIT iaitu En. Addy Putra Md. Zulkifli, Amirul Fahmi Razali, Shahrul Anuwar Mohamed Yusof dan Nor Ziratul Aqma Norzaman. Tujuan utama bengkel ini diadakan adalah untuk memberi pendedahan asas tentang penyediaan panel dengan menggunakan perisian-perisian yang bersesuaian di samping meningkatkan produktiviti dan kemahiran pelajar dalam menghasilkan persembahan produk yang berkualiti dan menarik.



Bengkel ini dijalankan dalam dua sesi. Sesi pertama berlangsung pada 2 dan 3 April 2010, dari pukul 9.00 pagi sehingga 11.00 malam yang merangkumi semua latihan asas dan pengenalan kepada teknik penyediaan panel persembahan dan panel informasi dengan menggunakan perisian-perisian yang bersesuaian, contohnya *Adobe Photoshop* dan juga *Adobe Illustrator*. Pembelajaran bagi sesi II pula telah dijalankan pada 9 dan 10 April bermula pada pukul 9.00 pagi sehingga 11.00 malam. Sesi ini lebih menjurus kepada penghasilan persembahan secara digital. Penggunaan perisian seperti *Adobe Premiere*, *3D Max* dan *Adobe After Effect* membantu para pelajar meningkatkan kreativiti mereka dalam teknik persembahan produk. Program ini merupakan salah satu langkah yang diambil untuk meningkatkan kemahiran dan kreativiti para peserta dalam penyediaan panel dan persembahan produk.



Bengkel Kemahiran Belajar di Universiti

Bengkel Kemahiran Belajar di Universiti diadakan pada 28 hingga 30 Januari 2010 bertempat di Pusat Kokurikulum Merang yang disertai oleh 37 orang pelajar Fakulti Reka Bentuk Inovatif dan Teknologi (FRIT). Bengkel ini dikendalikan oleh enam orang kakitangan fakulti iaitu Nur Haizal Mat Yaacob @ Arifin, Irdi Suriani Zainal Abiddin, Muhammad Firdaus Che Hassan, Norliana Yusof, Ahmad Zafir Zamani dan Mohd Hosni Rifin serta dua orang penceramah jemputan iaitu Fauzi Yusof, Pensyarah di Fakulti Pengajian Kontemporari Islam (FKI) dan Fatimah Ghazali, Pensyarah Fakulti Informatik (FIT).

Tujuan bengkel ini diadakan adalah untuk memberi pendedahan kepada peserta tentang kaedah-kaedah merancang kejayaan melalui kekuatan yang ada pada diri, membimbing mereka untuk belajar dengan lebih berkesan, memiliki kemahiran untuk menonjolkan kehebatan diri di tempat belajar selain meningkatkan produktiviti dan prestasi fakulti. Bengkel ini juga bertujuan untuk mengeratkan silurahim dalam kalangan pelajar dan pensyarah.

Pengisian bengkel ini lebih kepada memberi motivasi melalui kaedah pembelajaran dan aktiviti-aktiviti yang menarik. Pendekatan diberikan dalam bentuk ceramah agama, kaedah-kaedah mengurus masa dan mencari matlamat hidup yang sangat memberi manfaat kepada peserta. Aktiviti-aktiviti luar (outdoor) juga antara yang menjadi kegemaran para peserta sepanjang program ini diadakan. Aktiviti luar yang dijalankan adalah jogging, senamrobik, permainan galah panjang dan futsal.



Program Cakna Berat/Wellness dan MYHESS 2010

Pada 6 Mei 2010, Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan (FPSK) bersama Pusat Kesihatan Pelajar (PKP), Universiti Darul Iman Malaysia [sekarang Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA)] telah menganjurkan Program Cakna Berat/Wellness dan MYHESS 2010.

Program yang diadakan di Dewan Al-Muktafi Billah Shah, dimulakan dengan acara senamrobik yang dikendalikan oleh Wan Saidi Wan Mohd. Acara ini disertai oleh kira-kira 100 orang peserta yang terdiri daripada kakitangan universiti dan selain itu, satu ceramah kesihatan bertajuk *Pemakanan Sihat* telah disampaikan oleh Shuhanim Shukri, Pegawai Zat Makanan dari Kementerian Kesihatan Malaysia. Dalam ucapan perasmiannya, Timbalan Naib Canselor Penyelidikan dan Inovasi UniSZA, Profesor Dr. Abdul Manaf Ali berkata, pihak

pengurusan universiti sentiasa menyokong penuh penganjuran program-program yang berkaitan dengan penjagaan kesihatan.

Beliau juga berharap semua kakitangan UniSZA membuat pemeriksaan kesihatan tahunan dalam menentukan tahap kesihatan mereka. Seramai 100 orang peserta mengikuti ujian MYHESS yang dikendalikan oleh Jabatan Kesihatan Negeri Terengganu manakala 24 orang peserta mengikuti program cakna berat.



Pertandingan Fotografi

Gambar bertajuk *Bersatu Meneroka Khazanah Ilmu* milik Zaki Mat Ali dari Fakulti Pertanian dan Bioteknologi (FPB) berjaya memenangi tempat pertama dan membawa pulang hadiah wang tunai sebanyak RM150 menerusi Pertandingan Fotografi 1 UDM (UniSZA) – Menerusi Kaca Mata Anda yang diadakan pada 11 April 2010.

Hadiah tempat kedua berupa wang tunai RM100 pula disandang oleh Syazwani Sarugi dari Fakulti Informatik (FIT) dengan gambar bertajuk *Ilmu Dikongsikan Bersama* dan gambar bertajuk *Bersama Menuju Kejayaan* milik Mohd Amin Farheen Latip dari Fakulti Rekabentuk Inovatif dan Teknologi (FRIT) menduduki tempat ketiga dan memenangi wang tunai sebanyak RM50, diikuti 13 pemenang sagu hati dan kesemua pemenang ini membawa pulang bersama hamper, cenderahati dan sijil.



Hadiah kepada pemenang telah disampaikan oleh Timbalan Naib Canselor Akademik dan Antarabangsa Universiti Sultan Zainal Abidin, Profesor Dr. Mohd Afandi Muhamad di perkarangan Galeri FRIT.

Pertandingan anjuran Gallery Team dengan kerjasama FRIT, Bahagian Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA), Unit Komunikasi Korporat (UKK) dan Industrial Design Club (IDec) itu adalah bertujuan untuk mencungkil bakat-bakat baru dalam seni fotografi, menerapkan semangat cintakan UniSZA dalam kalangan warganya, melahirkan rasa bangga dalam diri peserta itu sendiri serta warga UniSZA umumnya tentang apa yang tersirat di UniSZA yang belum diterokai. Aktiviti sebegini secara tidak langsung mendedahkan mereka dalam menjana idea bagi menghasilkan idea-idea yang lebih kreatif di samping berkongsi pandangan serta saling bertukar-tukar pendapat sesama mahasiswa/mahasiswi dan kakitangan bagi melahirkan nilai diri yang lebih bersifat terbuka.

Bagi mengekalkan objektif tersebut, program seumpama ini akan dijadikan sebagai acara tahunan FRIT. FRIT mencadangkan penubuhan Kelab Fotografi kepada Pengurusan Universiti serta fotografi dijadikan sebagai salah satu subjek kurikulum universiti bagi melahirkan bakat-bakat baru dalam seni fotografi.



IT-CAMP'10 merupakan satu program yang dirangka khusus untuk pelajar-pelajar terpilih sekolah-sekolah menengah di Terengganu. Program ini berlangsung di Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) Kampus Gong Badak pada 14 dan 15 Mei 2010. Jemputan bagi penyertaan telah dihantar kepada semua sekolah menengah daerah Kuala Terengganu (34 buah), Marang (13 buah) dan Setiu (12 buah). Seramai 68 orang pelajar dari 34 buah sekolah telah menyertai program yang dianjurkan oleh Fakulti Informatik (FIT) dengan kerjasama daripada Persatuan Mahasiswa FIT bagi membantu dan menjaga kebajikan pelajar sepanjang perjalanan program.

Pelaksanaan IT-Camp'10 adalah satu langkah yang diambil oleh FIT dengan kerjasama Multimedia Development Corporation (MDeC) untuk membudayakan teknologi maklumat dan merakyatkan fakulti serta universiti. Matlamat utama adalah untuk memberi kesedaran kepada para pelajar tentang kepentingan teknologi komunikasi maklumat, serta peluang-peluang untuk meneruskan pengajian dan kerjaya dalam bidang ini. Selain itu, ceramah motivasi juga dirangka untuk meningkatkan motivasi pelajar agar cemerlang dalam pelbagai aspek kehidupan mereka.

Pendedahan mengenai kemahiran insaniah juga diberikan kepada para peserta.

Selain itu, IT-Camp'10 juga bertujuan memberi pendedahan secara amali kepada para pelajar tentang perisian multimedia seperti *Adobe Premier* dan *Adobe Photoshop*. Sehubungan dengan ini, satu pertandingan mereka bentuk montaj bertemakan 'ICT, Etika dan Usahawan' juga turut diadakan untuk mencungkil bakat dan menjana minda yang kreatif dan inovatif di kalangan peserta. Pemenang pertama bagi pertandingan tersebut dimenangi oleh SMK Bukit Besar dengan membawa pulang wang tunai berjumlah RM700. Naib johan pula dirangkul oleh SMK(A) Tok Jiring dengan jumlah wang tunai sebanyak RM500 dan tempat ketiga disandang oleh SMK Seri Nilam dengan wang tunai sebanyak RM300.

Hasil maklum balas yang diterima, seramai 87 peratus peserta bersetuju bahawa kandungan program telah mencapai kesemua objektif yang telah digariskan. Begitu juga dengan aspek logistik seperti penginapan dan jamuan telah berjaya memberikan kepuasan dan keselesaan kepada semua peserta.



Walau bagaimana pun, seramai 30 peratus daripada peserta merasakan masa pembelajaran kursus seperti *Adobe Photoshop* dan *Adobe Premier* tidak mencukupi. Manakala, majoriti peserta memberikan komen bahawa masa pertandingan agak terhad dan perlu dipanjangkan lagi. Selain itu, turut dicadangkan agar masa keseluruhan program juga patut dipanjangkan. Namun, secara keseluruhannya, semua peserta menyatakan bahawa program ini berjaya memberi manfaat kepada pelajar dan patut diteruskan lagi pada masa akan datang.



Peranan Unit Kaunseling dan Kerjaya, Hal Ehwal Pelajar dan Alumni

Unit Kaunseling dan Kerjaya, Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA) menyediakan khidmat sesi kaunseling individu dan sesi kaunseling kelompok kepada mahasiswa/i yang memerlukan khidmat kaunseling daripada Pegawai Psikologi.

Sebanyak 83 sesi kaunseling individu telah dijalankan kepada para pelajar yang memerlukan khidmat nasihat bermula pada bulan Januari hingga bulan April 2010. Antara objektif sesi kaunseling individu dijalankan adalah untuk membantu klien celik akal dalam menangani masalah, membentuk hubungan yang positif dengan persekitarannya dan membantu klien agar lebih bertanggungjawab kepada diri sendiri.

Manakala sebanyak enam sesi kaunseling kelompok telah dijalankan bermula pada bulan Januari hingga April 2010. Antara objekif sesi kaunseling kelompok dijalankan adalah untuk membantu mahasiswa/i untuk mendapat kecemerlangan dalam akademik.



Bengkel Perancangan Kerjaya

Unit Kaunseling dan Kerjaya telah mengadakan Bengkel Perancangan Kerjaya yang bertempat di Dewan Kuliah Utama pada 6 Februari 2010. Antara matlamat bengkel ini ialah untuk membentuk perspektif yang betul oleh peserta-peserta tentang kerjaya dan perancangannya. Selain itu, bengkel ini bertujuan untuk memberi pendedahan tentang realiti alam kerjaya dari segi pasaran, persaingan dan peluang pada masa hadapan. Mahasiswa/i juga didehadkan dengan teknik mengenal potensi, kekuatan diri dan kecenderungan kerjaya.

Antara pengisian program ialah persediaan laras minda sebagai pelajar Institusi Pengajian Tinggi mengenali potensi diri dalam

perancangan kerjaya, kemahiran asas kerjaya dan penulisan resume. Majlis ini diakhiri dengan soal jawab bersama mahasiswa/i.

Bengkel ini telah dihadiri seramai 117 orang mahasiswa/i dan telah disampaikan oleh Pengarah Urusan Asasins Resources And Training iaitu Mohd Khairi Fuad Hj. Abdul Razak.



Kursus Asas Kaunseling Siri 3

Kursus Asas Kaunseling Siri Tiga telah dianjurkan oleh Unit Kaunseling dan Kerjaya, Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA) pada 22 Januari 2010 bertempat di Bilik Aktiviti Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA), Kampus Gong Badak bermula jam 8.00 pagi sehingga jam 5.30 petang. Kursus tersebut diadakan bertujuan untuk memberi pendedahan kepada mahasiswa/i untuk mengenali peranan Unit

Kaunseling dan Kerjaya sebagai sumber sokongan untuk mendapatkan bantuan dalam perkhidmatan bimbingan dan kaunseling. Selain itu, kursus ini juga diadakan untuk membolehkan mahasiswa/i terpilih berinteraksi dengan rakan sebaya mereka melalui latihan perkembangan diri dan kemahiran memberikan pertolongan.

Antara pengisian program ini ialah ceramah tentang kemahiran asas kaunseling, kaunseling berstruktur, aplikasi teori dan teknik dalam kaunseling serta contoh *role play* dalam kaunseling. Kursus ini telah disampaikan oleh Rosni Mohammad iaitu Pegawai Psikologi dari Unit Kaunseling dan Kerjaya dan Hafiah Yusof, pensyarah Jabatan Sains Sosial, Fakulti Pengajian Kontemporari Islam. Sambutan yang diterima amat menggalakkan dengan jumlah penyertaan seramai 96 orang pelajar.



Program **Surehired!**

Pada 2 April 2010, satu program berkait dengan persediaan pelajar untuk menempuh alam kerjaya telah dianjurkan oleh Unit Kaunseling dan Kerjaya. *Program Surehired! – Teknik Penulisan Resume dan Persediaan Temuduga* ini telah disertai oleh 214 orang mahasiswa/i Universiti Darul Iman Malaysia [sekarang Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA)]. Program ini telah diadakan di Dewan Kuliah Utama, Kampus Gong Badak.

Program ini bertujuan memberi pendedahan kepada mahasiswa/i tentang teknik persediaan bagi menghadiri temuduga di samping persiapan untuk mencari peluang-peluang kerjaya seperti penulisan resume. Selain itu, program ini juga menyediakan pelajar mengenai *soft skills* untuk berjaya dalam temuduga, membiasakan pelajar dengan persekitaran dan proses temuduga meliputi persiapan pratemuduga, jenis-jenis temuduga, tawaran penjawatan dan hal-hal lain. Seterusnya mengenal pasti apa yang perlu dan tidak perlu dilakukan dalam temuduga bagi meningkatkan keupayaan mahasiswa/i untuk meletakkan diri sebagai graduan yang memenuhi kehendak pasaran.

Exco Kelab Pembimbing Rakan Siswa

Unit Kaunseling dan Kerjaya telah mengadakan temuduga bagi memilih mahasiswa/i yang berkelayakan sebagai Exco Kelab Pembimbing Rakan Siswa pada 25 dan 28 Februari 2010 bertempat di Pejabat Unit Kaunseling dan Kerjaya, HEPA.

Seramai 63 orang calon telah ditemuduga dan 23 orang pelajar sahaja yang berjaya terpilih sebagai exco. Temuduga ini dibahagikan kepada dua tahap iaitu ujian menulis psikologi dan temuduga. Sehingga kini, Kelab Pembimbing Rakan Siswa telah mempunyai 165 orang ahli dan Rosni Mohammad, Pegawai Psikologi adalah penasihat bagi kelab tersebut.

Segala aktiviti dan latihan kepada Pembimbing Rakan Siswa akan dikawal selia oleh Unit Kaunseling dan Kerjaya bagi memastikan mereka mendapat latihan yang secukupnya sebelum menjadi pembimbing kepada rakan siswa/i.

Program *Take Charge! – A Personal Development*

Program *Take Charge! – A Personal Development* yang dianjurkan oleh Unit Kaunseling dan Kerjaya telah diadakan pada 12 Mac 2010.

Program yang disertai oleh 171 orang pelajar berlangsung di Dewan Kuliah Utama, Kampus Gong Badak. Antara matlamat program ini ialah untuk menekankan kecemerlangan diri dengan membina sikap bertanggungjawab pada kehidupan individu, mengenal pasti bakat dan potensi diri, membina minda bagi meningkatkan kualiti hidup, membuat sikap sambil lewa dan ambil mudah pada sesuatu perkara, menjadi pendengar yang aktif dan berkesan, membina sikap cakna pada diri dan masyarakat serta bijak merancang masa depan dengan berani membuat perubahan matlamat dalam kehidupan.

Program sehari ini telah dijayakan dengan kerjasama Mohd Rizal Hassan, Pengarah Urusan Take Charge Sdn Bhd. Rata-rata mahasiswa/i yang ditemui memberi maklumbalas positif dan menghasratkan agar program ini akan diteruskan dari semasa ke semasa bagi membantu kecemerlangan diri sebagai mahasiswa/i yang berfikiran kreatif dan berdaya pimpin.



Taklimat Kerjaya


bersama

Etiqa Takaful Berhad

Program Taklimat Kerjaya Bersama Etiqa Takaful Berhad telah berlangsung dengan jayanya pada 29 Januari 2010 bertempat di Dewan Al-Muktafi Billah Shah, Universiti Darul Iman Malaysia (sekarang Universiti Sultan Zainal Abidin).

Taklimat anjuran Unit Kaunseling dan Kerjaya ini telah dihadiri oleh 101 orang mahasiswa/i semester akhir Fakulti Pengajian Pengurusan dan Perniagaan. Melalui taklimat ini mahasiswa/i telah didekah dengan peluang kerjaya bersama pihak Etiqa Takaful selepas menamatkan pengajian. Seramai dua orang penceramah dari Syarikat Etiqa Takaful Berhad telah menyampaikan taklimat berkenaan.

Kebanyakan mahasiswa/i yang ditemui memberi maklumbalas positif dan berharap program ini akan diteruskan dari semasa ke semasa agar dengan ini dapat membantu mahasiswa/i sebelum melangkah ke alam kerjaya.



Penyerahan Tambahan Wang Zakat Pendidikan oleh BIMB kepada Universiti Sultan Zainal Abidin



Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB) menyerahkan tambahan wang zakat pendidikan berjumlah RM 30,000 kepada Universiti Sultan Zainal Abidin untuk disalurkan kepada pelajar yang layak menerima.

Penyerahan zakat tersebut dilakukan oleh Pengurus Besar BIMB, Dato' Wan Ismail Wan Yusoh kepada Naib Canselor UniSZA, Dato' Profesor Dr. Alias Daud dalam satu majlis yang diadakan di Ibu Pejabat BIMB, Tingkat 12, Wisma BIMB Jalan Dungun, Damansara, baru-baru ini.



Majlis Berkhatan PERKIM-Universiti Sultan Zainal Abidin

Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia (PERKIM) negeri Terengganu dan PERKIM cawangan Tok Hakim, Padang Midin dengan kerjasama Pusat Kesihatan Pelajar (PKP) serta Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan (FPSK), Universiti Sultan Zainal Abidin telah mengadakan majlis berkhatan pada 7 Jun 2010.

Program ini telah disempurnakan perasmianya oleh Pengerusi PERKIM, Dato' Haji Ismail Yahya. Seramai 11 orang peserta terdiri daripada anak-anak saudara baru PERKIM terlibat dalam program ini. Proses berkhatan itu telah dikendalikan oleh Dekan FPSK iaitu Prof. Dr. Ahmad Zubaidi Abdul Latif, Prof. Dr. Nordin Simbak, Dr. Romizi dari Hospital Sultanah Nur Zahirah (HSNZ) dan Dr. Aminuddin dari PKP. Program yang bermula pada pukul 8.30 pagi dan berakhir pukul 11.30 pagi itu turut dihadiri oleh kakitangan PERKIM dan PKP.



BIMB sebagai institusi kewangan yang mengamalkan prinsip perbankan Islam, memperuntukkan sejumlah zakat pendidikan untuk diagihkan kepada Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dan Institut Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) yang terpilih.

Dalam majlis itu juga, Dato' Naib Canselor mengucapkan terima kasih kepada pihak BIMB kerana menyerahkan zakat tersebut dan agihan akan diberikan kepada pelajar yang memerlukannya.

Sementara itu, Dato' Wan Ismail berkata, sumbangan ini adalah salah satu komitmen dan tanggungjawab sosial BIMB untuk memajukan agenda pendidikan negara. Turut dibincangkan dalam majlis tersebut ialah peluang kerjasama yang boleh dilakukan antara pihak bank dan universiti pada masa akan datang.



The Star Education Fair 2010

Universiti Darul Iman Malaysia [sekarang Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA)] telah menyertai pameran 'The STAR Education Fair 2010' pada 9 dan 10 Januari 2010. Pameran yang diadakan di Dewan Pameran 1, Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC) itu bermula pada pukul 11.00 pagi dan berakhir pada jam 7.00 petang.

Pameran ini bertujuan untuk memberi pendedahan tentang peluang pembelajaran kepada pelajar lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM), Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) serta pelajar matrikulasi untuk mendapatkan maklumat berkaitan kursus pengajian yang ditawarkan di Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dan Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) di Malaysia dan luar negara.



UniSZA diwakili oleh lima orang kakitangan yang terdiri daripada kakitangan Fakulti Informatik (FIT), Bahagian Pengurusan Akademik (BPA), Unit Komunikasi Korporat (UKK) dan Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi (PPPI).

Pameran ini juga disertai oleh empat buah IPTA lain iaitu Universiti Malaya (UM), Universiti Malaysia Terengganu (UMT), Universiti Teknologi Malaysia (UTM) dan Universiti Sains Malaysia (USM). Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin juga meluangkan masa melawat gerai-gerai yang terdapat pada hari kedua pameran.



6

Karnival Sukan MASUM 2010



Majlis Sukan Universiti Malaysia (MASUM) telah mengadakan Karnival Sukan MASUM 2010. Pada tahun ini, Karnival Sukan MASUM telah diadakan di dua tempat iaitu Fasa I pada 15 – 21 Mei 2010 di UiTM Arau, Perlis dan Fasa II pada 22 – 30 Mei 2010 di Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Nilai, Negeri Sembilan. Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) telah menghantar sebanyak tujuh pasukan yang disertai oleh seramai 147 orang atlet dan pegawai.

Pasukan yang bertanding untuk MASUM Fasa I adalah pasukan softbol lelaki dan wanita, badminton lelaki dan wanita dan bola tampar wanita. Manakala untuk Karnival MASUM Fasa II pasukan bertanding adalah pasukan futsal, taekwondo, pencak silat dan catur yang kesemuanya terdiri daripada pasukan lelaki dan wanita. Manakala, acara kayak-rowing pula

diadakan di Empangan Batu, Gombak, Bola Jaring di Universiti Malaya (UM) dan memanah di Universiti Putra Malaysia (UPM).

Pada tahun ini, kontingen UniSZA telah mempamerkan pencapaian yang membanggakan kerana telah membawa pelbagai warna pingat untuk universiti dan pasukan masing-masing. Pasukan yang menyumbangkan pingat pada tahun ini adalah kayak dengan satu kilauan emas, *rowing*, memanah dan acara taekwondo dengan pingat perak manakala, gangsa untuk acara pencak silat. Bagi acara-acara lain seperti badminton dan bola tampar, pasukan ini telah mencapai ke peringkat suku akhir, manakala catur pula mendapat 'Papan Terbaik Lelaki'. Karnival MASUM kali ini merupakan penampilan pertama bagi pasukan softbol UniSZA.



Kejohanan Bola Sepak Liga IPT 2010



Kejohanan bola sepak Liga IPT Piala YB Kementerian Pengajian Tinggi 2010 telah tamat dengan jayanya, di mana Pasukan Bola Sepak Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) telah menjadi Naib Juara Kategori Zon Timur pada tahun ini.

Pasukan Bola Sepak berjaya membawa pulang RM 5000.00 serta Piala Iringan. Para atlet telah mempamerkan aksi-aksi yang bagus semasa berlangsungnya perlawanan dengan pasukan-pasukan lain. Dengan semangat kesukanan yang jitu, pasukan bola sepak UniSZA telah berjaya menyaingi pasukan lain untuk mendapat perhatian di peringkat yang lebih membanggakan.

Sukan Staf UDM 2010



Sukan Staf telah pun berlangsung pada 14 Mac hingga 14 April 2010. Acara yang dipertandingkan selama sebulan ini telah mendapat saingan yang hebat antara PTj-PTj yang bertanding.

Acara yang dipertandingkan adalah acara futsal, bola jaring, bola tampar, badminton beregu dan perseorangan, sepak takraw, ping pong beregu dan perseorangan, tenpin boling, dart 1001 dan dart 301, carom, catur dan golf individu.

Pasukan yang berentap ialah pasukan Shark, Tiger, Lion, Cheetah, Eagle, Rhino, King Cobra dan Anaconda. PTj yang menjadi johan keseluruhan ialah Shark manakala, naib johan pula dimenangi oleh Cheetah dan ketiga adalah Tiger.

Pengurusan Tertinggi
Universiti Sultan Zainal Abidin

- **YBhg. Dato' Profesor Dr. Alias Daud**
Naib Canselor
- **Profesor Dr. Mohd Afandi Muhammad**
Timbalan Naib Canselor
(Akademik dan Antarabangsa)
- **Profesor Dr. Abdul Manaf Ali**
Timbalan Naib Canselor
(Penyelidikan dan Inovasi)
- **Prof. Madya Dr. Nik Wan Omar**
Pendaftar
- **En. Baharin Salim @ Abdullah**
Bendahari

Sidang Pengarang Buletin UniSZA

- **Dr. Abdul Hakim Abdullah**
Penasihat
- **Azizah Endut**
Editor
Pusat Penerbitan/ Fakulti
Bahasa dan Komunikasi
- **Anuar Cornelius Abdullah McAfee**
English Editor
Pusat Penerbitan/ Fakulti
Bahasa dan Komunikasi

Ahli Sidang Pengarang

- **Prof. Madya Dr. Engku Ahmad Zaki**
Engku Alwi
Fakulti Pengajian Kontemporari Islam
- **Prof. Madya Dr. Nashriyah Mat**
Fakulti Pertanian dan Bioteknologi
- **Ismail Musa**
Timbalan Pendaftar
- **Rosliza Abdul Razak**
Unit Komunikasi Korporat
- **Aduka Mohd Ariffin**
Jurufoto
Fakulti Pengajian Kontemporari Islam
- **Zurina Mansor**
Setiausaha
Pusat Penerbitan

Buletin UniSZA diterbitkan
dua kali setahun,
Mulai Julai 2010 sebagai buletin rasmi
Universiti Sultan Zainal Abidin
Hak cipta 2010
Editor, Pusat Penerbitan,
Kampus Gong Badak
21300 Kuala Terengganu
Tel: 09-665 3608 Faks: 09-667 3896
aniruzurina@yahoo.com
Laman web: <http://udm@edu.my>

Seminar Kebangsaan Undang-Undang Kanak-Kanak Ke-2

BORANG PENYERTAAN		SEMINAR KEBANGSAAN UNDANG-UNDANG KANAK-KANAK	
Hak Kanak-Kanak: Isu-isu Terkini & Cabaran Masa Depan			
Nama penzu:		
Jabatan/Institusi:		
Alamat:		
Telefon Pejabat:		Telefon Rumah:	
Fax/Email:		Email:	
Penyertaan dan Yuran:			
<input type="checkbox"/> Pembentang/Peserta RM400 <input type="checkbox"/> Pelajar (Pascaasiswa) RM150 <input type="checkbox"/> Pelajar (Jazah/Diploma) RM50			
Cara Bayaran:			
Cek/Bank Draft/Lain-lain:			
Nama bank:			
No. Cek/Bank Draft/Lain-lain:			
Sila buat bayaran atas nama: BENDAHARI UNIVERSITI SULTAN ZAINAL ABIDIN			
Tandatangan		Tarikh	
uniSZA			
UNTUK KETERANGAN LANJUT, SILA HUBUNGI: Universiti Negeri (NCU), Fakulti Undang-Undang dan Hukum Antarabangsa Universiti Sultan Zainal Abidin, Kampung Gong Badak 21300 Kuala Terengganu, Malaysia Email: aniruzurina@edu.my Tel: +60 665 33102/3/4/5/6/7/8/9 Fax: +60 667 2420			



**HAK KANAK-KANAK:
ISU-ISU TERKINI &
CABARAN MASA DEPAN**

ANJURAN: FAKULTI UNDANG-UNDANG & HUBUNGAN ANTARABANGSA
Universiti Sultan Zainal Abidin
<http://www.hua.unisa.edu.my>



Pengenalan	
<p>Konvensyen mengenai Hak Kanak-Kanak (CRC) yang diterima polak di Perhimpunan Agung Bangsa-Bangsa Bersatu pada 20 November 1989 telah mencadangkan beberapa giat pendumangan bagi melindungi hak seluruh kanak-kanak dengan mewujudkan pialaran dalam perkembangan perundungan, sila, perjayaan kesihatan, pendidikan dan sozial. Sebagai ahli yang berkenang-kenangan, kita perlu memastikan hak-hak tersebut dihormati dan kanak-kanak memperolehi keleluasaan, pembangunan dan pertumbuhan yang terbaik.</p> <p>Dewasa ini, kerajaan, perubahan bukan kerajaan (NGO) dan perhubungan agama telah sedar bahawa kita perlu membuat lebih pelaburan untuk kanak-kanak dari segi kesihatan, pendidikan dan perjayaan. Kesedaran ini menyebabkan lebih ramai pihak hadir menyuarakan tentang isu-isu berkaitan hak kanak-kanak. Usaha ini perlu diteruskan dan semua pihak harus mengambil tanggungjawab untuk memmantapkan lagi hak kanak-kanak tersebut.</p> <p>Seminar ini diadakan untuk memberi kesedaran dan meningkatkan pengetahuan mengenai isu-isu terkini di samping membincangkan penyelesaian bagi isu-isu tersebut.</p>	
Objektif	
<ul style="list-style-type: none"> Menyediakan platform kepada ahli akademik, penyelidik, pengaruh dan ahli komuniti perihal pengamal undang-undang berkaitan pendumangan dan buah tajuk tentang isu-isu terkini, sama ada dalam undang-undang atau bidaan lain. Mewujudkan jalinan kerja dan perkongian ilmu di kalangan peserta dan pembentang. Menggalakkan penglibatan secara aktif di dalam penyelidikan dan pembentangan. 	
Ucap Utama	
	Y. Bng. Prof. Dato' Dr. Zaleha binti Kamarduddin Timbalan Ketua Pengaroh Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM)
	Y. Bng. Prof. Madya Dr. Mohamed Fadil Che Din Pengaroh Institut Sosial Malaysia (ISM)
	Y. Bng. Prof. Dr. Asmah binti Haj Mohd Awal Penyayang Fakulti Undang-Undang Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)
	Y. Bng. Dr. Farah Nini binti Dato' Druski Penyayang Fakulti Undang-Undang Universiti Malaya (UM)

Kumpulan Sasaran
Seminar ini terbuka kepada ahli akademik institut pengajian tinggi, kalkangan agensi kerajaan/wasta, ahli badan bukan kerajaan (NGO), pengamal undang-undang, pelajar-pascawajah dan praswasta dan individu-individu yang berminat.

Skip Perbincangan

Perhimpunan NCCL2010 menggalakkan penyertaan leluar sejuk semoga ada sebagai perwakilan perwakilan tertentu kerja. Perbincangan adalah berorientasi menteras dan tidak terbatik kepada aspek undang-undang semata-mata. Skip perbincangan adalah miflifi, tetapi tidak terhad kepada aspek-aspek berikut:

- Hak kanak-kanak
- Penderaan eksplosif ke atas kanak-kanak
- Perundungan terhadap kanak-kanak
- Kanak-kanak dan keluarga
- Kanak-kanak dan masalah sosial/jenayah
- Kanak-kanak dan masyarakat
- Kanak-kanak dan penekitan
- Kanak-kanak dan undang-undang

Format Penulisan Abstrak & Kertas Kerja

Garis Panduan Abstrak: Abstrak hendaklah tidak melebihi 250 perkataan, menggunakan Font Arial 11 point, diselang satu baris. Sila nyatakan nama penulis/penulu bersama, jabatan/organisas, nombor telefon serta emel semasa menghantarkan abstrak.

Garis Panduan Kertas Kerja: Kertas kerja hendaklah ditulis tidak melebihi 15 mukasurat, menggunakan Font Arial 11 point, diselang satu baris. Abstrak mestilah ditulis bersama-sama dengan kertas kerja.

Abstrak dan kertas kerja dalam bahasa Melayu atau Bahasa Inggeris diterima. Penulis hendaklah menggunakan nota kali serta rujukan mengikut format APA.

Penulis/salah seorang penulis bersama hendaklah hadir sebagai pemberitang.

Tarikh akhir penghantaran abstrak: 3 Mei 2010
Makluman penerimaan abstrak: 17 Mei 2010
Tarikh akhir penghantaran kertas kerja: 2 Ogos 2010
Makluman penerimaan kertas kerja: 30 Ogos 2010

Sebarang pernyataan mengenai abstrak dan kertas kerja, sila emel nccl2010@udm.edu.my (untuk perihal Fr. Asmah binti Bidin (no. tel. 09-665 3316), En. Nazarie bin Md. Yusof (no. tel. 09-665 3350), atau Cik Ahsuan binti Yusof (no. tel. 09-665 3350)).